



## KENYATAAN MEDIA

Menteri di Jabatan Perdana Menteri  
(Wilayah Persekutuan)

### DATA TERBUKA : SENARAI KAWASAN HIJAU DAN KAWASAN LAPANG YANG TELAH DIWARTAKAN DI KUALA LUMPUR DIDEHADKAN KEPADA UMUM

5 FEBRUARI 2026

1. Hari ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan satu reformasi penting bagi memperkukuh ketelusan dan penyertaan awam: pelaksanaan Data Terbuka oleh Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan (PPTGWP). Buat pertama kali, senarai penuh kawasan hijau dan kawasan lapang yang telah diwartakan di Kuala Lumpur telah diterbitkan secara dalam talian dan boleh diakses oleh orang awam. Untuk maklumat lanjut, orang awam boleh merujuk dan mengakses maklumat melalui ikon MyHijau di laman web rasmi <https://www.ptgwp.gov.my/portal>.
2. Inisiatif ini sejajar dengan aspirasi yang telah lama disuarakan oleh masyarakat sivil dan gabungan persatuan penduduk yang dibangkitkan semasa sesi libat urus saya bersama mereka pada 20 dan 21 Januari 2026. Selama bertahun-tahun, komuniti di Kuala Lumpur telah menuntut akses maklumat yang lebih jelas berkaitan kawasan hijau dan kawasan lapang supaya warga Kuala Lumpur dapat menikmati, memelihara dan melindungi ruang berharga ini secara aktif.
3. Dalam bandar yang pesat membangun, kawasan hijau dan kawasan lapang amat penting. Selain fungsi rekreasi, ia menyokong kesejahteraan, membantu menghubungkan komuniti dan memainkan peranan kritikal dalam daya tahan iklim. Ketika Kuala Lumpur bergerak ke arah menjadi bandar urus air hujan secara pintar, setiap ruang hijau amat bermakna.
4. Apabila kawasan hijau dan kawasan lapang tidak diwartakan dengan sewajarnya, ia menjadi terdedah kepada pelupusan hak milik dan penukaran guna untuk tujuan lain.
5. Sehingga hari ini, **sebanyak 494 tapak kawasan hijau dan kawasan lapang** yang telah diwartakan telah diterbitkan secara dalam talian dan tersedia di laman sesawang PPTGWP. Usaha sedang dijalankan untuk melengkapkan proses pewartaan bagi baki tapak yang masih ada. Bagi mempercepatkan usaha ini, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah menubuhkan Pasukan Petugas Khusus Pewartaan Kawasan Lapang dan Hijau yang akan mengenal pasti jurang teknikal, memperkukuhkan penyelarasan antara agensi dan memastikan bahawa proses pewartaan bagi semua baki tapak disempurnakan.
6. Mengalu-alukan langkah ini, Pengerusi Save KL, Datuk M. Ali berkata: "Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Hannah Yeoh di atas pelaksanaan pantas permintaan yang telah lama dinantikan ini serta pengiktirafan terhadap suara masyarakat sivil. Pendedahan data ini kepada umum merupakan satu langkah besar ke hadapan dari segi akauntabiliti dan perlindungan alam sekitar."
7. KLRA+SD, sebuah gabungan lebih 74 persatuan penduduk di seluruh Kuala Lumpur, turut mengalu-alukan pengumuman ini dengan berkata: "Ini merupakan reformasi yang telah lama dinantikan dan sangat bermakna. Wilayah Persekutuan kini berada di landasan yang baik. Langkah seperti ini mengembalikan harapan dan keyakinan penduduk, serta menunjukkan bahawa kerajaan bertindak demi kepentingan rakyat."
8. Kawasan hijau lebih berharga daripada emas bagi kesejahteraan warga kota. Usaha ini bermula sekarang.

HANNAH YEOH  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

